

EK
PM SERU MENCIPTA TEKNOLOGI BARU

BANGI, 2 NOV (BE BERNAMA)-- AGENSI-AGENCI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DISERU MEMBERI TUMPUAN KEPADA PENYELIDIKAN YANG LEBIH UNTUK MENCIPTA TEKNOLOGI-TEKNOLOGI BARU SUPAYA MENDAPAT MENIKMATI FAEDAH DARIPADA BAHAN MENTAH KELUARAN TEMPATAN, PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

BERUCAP DI UPACARA PERASHIAN PELANCARAN LOJI RINTIS DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT DI IBU PEJABAT INSTITUT PEYELIDIKAN MINYAK KELAPA SAWIT MALAYSIA (PORIM), BELIAU BERKATA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ADALAH SATU USAHA YANG PENTING UNTUK MENGEKSPLOITASI SEPENUHNYA SESUATU BAHAN.

IA JUGA PENTING JIKA KONSEP TANPA PEMBAZIRAN HENDAK DIAMALKAN KE ATAS HASIL DAN KELUARAN KELAPA SAWIT DAN MINYAK KELAPA SAWIT, TEGASNYA.

SEHINGGA INI HANYA 0.64 PERATUS DARIPADA KELUARAN NEGARA KASAR (KNK) DIPERUNTUKKAN UNTUK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DAN INI, MENURUT PERDANA MENTERI AMAT RENDAH BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

DR. MAHATHIR JUGA HAIRAN MENGAPA BANYAK NEGARA MEMBANGUN YANG SUDAH MENDAPAT TARAF NEGARA PERINDUSTRIAN BARU TELAH DAPAT MENGUASAI TEKNOLOGI BARU.

+KENAPAKAH MEREKA BOLEH, TETAPI KITA TIDAK BOLEH, SEDANGKAN PUNCA TEKNOLOGI ADALAH SAMA?+ SOALNYA.

+JAWABNYA IALAH KITA MENUNGGU UNTUK DISERAH BULAT-BULAT TEKNOLOGIASING. --LAGI

+KITA TIDAK MENGEJAR TEKNOLOGI DAN KITA MENGANGGAP PROSES PENYERAHAN TEKNOLOGI INI ADALAH TANGGUNGJAWAB ORANG LAIN DAN BUKAN KITA+, UJARNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN MALAYSIA TELAH LAMA MENGELUARKAN BARANG-BARANG BUATAN SENDIRI, IA HANYA TAHU MEMASANG KOMPONEN SAHAJA.

SETENGAH PARA JURUTERA NEGARA INI, KATANYA TIDAK TAHU MENELITI DAN MENKKAJI PAPAN CIRCUIT SUPAYA DAPAT MENGELUARKAN SENDIRI RADIO DAN ALAT KALKULATOR.

SEBALIKNYA PARA JURUTERA DI BEBERAPA NEGARA SAPERTI KOREA, JEPUN DAN TAIWAN. AKAN FAHAM APABILA MELIHAT SAHAJA PAPAN CIRCUIT ITU. KEMUDIANNYA MEREKA AKAN DAPAT MENIRU DAN MEREKABENTUK BARANGAN MEREKA SENDIRI.

+KEBANYAKAN DARI JURUTERA KITA LEBIH SUKA MENJADI PENTADBIR DENGAN PANGKAT YANG TINGGI DARIPADA MENCIPTA SESUATU YANG DIMINATI OLEH ORANG RAMAI.

MENGENAI PELANCARAN LOJI RINTIS DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT, DR. MAHATHIR BERKATA UJIAN SELANJUTNYA AKAN DAPAT DILAKSANAKAN UNTUK MENGUJI KEUPAYAAN PROSES YANG DIGUNAKAN UNTUK MENGELUARKAN DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT SECARA KOMERSIL.

DI SAMPING ITU KAJIAN KEMUNGKINAN SERTA PENILAIAN SECARA MENDALAM TENTANG KESESUAIAN TAHAP INI DIJADIKAN SEBAGAI BAHAN BAKAR JUGA AKAN DILAKUKAN.

KAJIAN-KAJIAN INI DIJANGKA SELESAI DALAM DUA TAHUN LAGI.

BELIAU BANGGA DENGAN KEJAYAAN MENCIPTA PROSES DAN KAEDAH MENUKARKAN MINYAK KELAPA SAWIT KEPADA DIESEL KERANA INI MENUNJUKKAN KEMAMPUAN MALAYSIA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI TIDAKLAH TERLALU KETINGGALAN.

PORIM JUGA AKAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN DUA HAK CIPTA DI BRITAIN YANG APABILA DIMAJUKAN SEPENUHNYA AKAN MENJADI +HAKMILIK NEGARA+.

BELIAU JUGA BERHARAP BANYAK LAGI TEKNOLOGI BARU CIPTAAN TEMPATAN AKAN DAPAT DIHASILKAN SUPAYA HASRAT KERAJAAN UNTUK MUNCUL SEBAGAI SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN MENJADI KENYATAAN DALAM MASA YANG SESINGKAT-SINGKATNYA.

LOGI BERHARGA \$2.9 JUTA INI BERUPAYA MENGELUARKAN 3,000 TAN DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT SETAHUN SECARA BERTERUSAN DAN KESELURUHAN PROJEK INI DALAM MASA DUA TAHUN AKAN DATANG AKAN MENELAN BELANJA SEBANYAK \$11.7 JUTA.

PROJEK INI DERTUJUAN MENYEDIKAKAN NEGARA DENGAN SUMBER TENAGA GANTIAN BERDASARKAN ANGGARAN SIMPANAN SUMBER PETROLEUM MENTAH DI NEGARA YANG AKAN KEHABISAN DALAM MASA 20 TAHUN AKAN DATANG.

DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT SESUAI DIJADIKAN BAHAN TENAGA GANTIAN DARI SUMBER-SUMBER YANG BOLEH DIPERBAHARUI TERUTAMA DALAM JANGKA PANJANG.

KAJIAN-KAJIAN YANG DIJALANKAN MENUNJUKKAN BAHAN DIESEL INI MEMPUNYAI SKOP DAN BERPOTENSI DIGUNAKAN SECRA KOMERSIL.

UJIAN AWALAN KE ATAS BEBERAPA BUAH TEKSI DAN KENDERAAN PORIM YANG MELIPUTI SEMUA ASPEK TEKNIKAL DAN DAN PRESTASI MEMBERI PETANDA-PETANDA BAIK DAN MENYAKINKAN UNTUK DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN PEMBAKAR.

ANTARA HASIL-HASIL YANG MENGGALAKAN IALAH KELUARAN ASAP EKSOS YANG BERKURANGAN JIKA DIBANDINGKAN DENGAN DIESEL BIASA.

IMPLIKASI KE ATAS ALAM SEKITAR IALAH IA AKAN MENGURANGKAN PENINGKATAN LAPISAN KARBON DIOKSIDA DI UDARA YANG BOLEH MENYEBABKAN KENAIKAN SUHU HAWA DAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR.

DI SAMPING ITU, ENJIN-ENJIN DIESEL YANG SEDIA ADA TIDAK PERLU DIUBAHSUAI UNTUK MENGGUNAKAN DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT.

--LAGI

EY

PM SERU CIPTA TEKNOLOGI BARU 3 BANGI

PEMANDU-PEMANDU TEKSI YANG TERLIBAT DALAM UJIAN INI TELAH MENGESAHKAN BAHAWA MEREKA TIDAK MENGALAMI APA JUA KEMEROSOTAN KUASA ENJIN YANG BERMAKNA PEMBAKARAN MINYAK ADALAH LEBIH CEKAP DARI DIESEL PETROLEUM BIASA.

DI SAMPING ITU, TIDAK TERDAPAT PENINGKATAN DALAM ENDAPAN KARBON DI DALAM ENJIN SEPERTI YANG BERLAKU DENGAN DIESEL PETROLEUM BIASA.

SEHUBUNGAN DENGAN PROJEK DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT, DR. MAHATHIR BERKATA SATU LANGKAH LAGI YANG TELAH DIAMBIL OLEH PORIM IALAH UNTUK MENGGUNAKAN MINYAK SAWIT MENTAH TERUS OLEH ENJIN YANG DIREKA KHAS.

ENJIN YANG DIREKA OLEH ELKO LIZENZA DARI JERMAN BARAT BOLEH MENGGUNAKAN SAMA ADA DIESEL PETROLEUM BIASA ATAU MINYAK SAYUR.

MEMANDANGKAN NEGARA INI ADALAH PENGELUAR UTAMA MINYAK KELAPA SAWIT, PORIM DENGAN KERJASAMA MITSUI & CO. LTD DARIPADA JEPUN DAN ELKO TELAH MEMBUAT KAJIAN DI MALAYSIA UNTUK MENILAI KESESUAIAN ENJIN INI DENGAN MINYAK KELAPA SAWIT MENTAH DAN JUGA DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT.

PERDANA MENTERI PERCAYA KEJAYAAN PROJEK DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT INI AKAN MENGHARUMKAN LAGI NAMA MALAYSIA SEBAGAI PERINTIS DALAM PENGGUNAAN MINYAK KELAPA SAWIT SEBAGAI SUMBER TENAGA BARU. MEMANDANGKAN NEGARA INI ADALAH PENGELUAR DAN PENGEKSORT UTAMA MINYAK KELAPA SAWIT DUNIA.

BERDASARKAN PENILAIAN AWAL, PENGGUNAAN MINYAK KELAPA SAWIT SEBAGAI BAHAN BAKAR ADALAH BERDAYA MAJU. PADA MASA INI, 18 PERATUS DARI JUMLAH TENAGA YANG DIGUNAKAN OLEH INDUSTRI PENGANGKUTAN DI MALAYSIA IALAH DARI DIESEL PETROLEUM.

OLEH ITU, MINYAK KELAPA SAWIT, TEGAS PERDANA MENTERI BOLEH MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH LUAS DI NEGARA INI, TERUTAMA DI WAKTU HARGANYA RENDAH SEKARANG AKIBAT PERSAINGAN OLEH LAIN-LAIN MINYAK MAKANAN.

BELIAU JUGA DIFAHAMKAN BAHAWA PORIM TELAH MENGENALPASTI BEBERAPA BAHAN SAMPINGAN SAPERTI GLYCEROL DAN KOMPONEN-KOMPONEN KECIL YANG AMAT BERGUNA DAN BERNILAI TINGGI.

PENGGUNAAN DAN PENILAIANNYA, MENURUTNYA SEDANG DIJALANKAN DAN AKAN MERUPAKAN SUSULAN YANG PENTING DARI PROJEK DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT.

EKORAN DARI PROJEK DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT INI, PELUANG JUGA UJUD DALAM BIDANG-BIDANG PENGELUARAN BARANGAN HILIRAN BERASASKAN MINYAK KELAPA SAWIT YANG DAPAT MEMBERIKAN NILAI TAMBAHAN.

MISALNYA +TOCOPHEROL+ YANG DIJUMPAI DALAM PATI ASID LEMAK SAWIT BOLEH MENGELUARKAN VITAMIN E SECARA KOMERSIL.

ADALAH DIANGGARKAN BAHAWA BERDASARKAN KEPADA PENGELUARAN DARI PATI ASID LEMAK KELAPA SAWIT NEGARA PADA TAHUN INI, VITAMIN E YANG BERNILAI SEBANYAK \$64 JUTA BOLEH DIHASILKAN.--BE BERNAMA